

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 1 / 12 / 2010

Tun M, Rafidah tak ada masalah

KUALA LUMPUR 30 Nov. – Khabar angin tentang hubungan dingin Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas ‘wanita besi’ dalam Kabinetnya, Tan Sri Rafidah Aziz terungkai hari ini apabila kedua-duanya berkongsi pentas dalam Forum Malaysia-Eropah (MEF) hari ini.

Dalam forum yang berlangsung di Hotel Crowne Plaza Mutiara di sini, kedua-duanya tampak ceria menjawab soalan sebahagian daripada kira-kira 300 perwakilan.

Rafidah yang ditemui pemberita selepas forum itu berakhir memberitahu, hubungan mereka tidak pernah sedikit pun terjejas sejak dari mula kedua-duanya bekerjasama da-

lam Kabinet.

“Kami sudah bertemu banyak kali dan saya tidak pernah mempunyai masalah dengan beliau. Siapa kata ada masalah? Jangan buat cerita bukan-bukan, tak elok...”

“Kemesraan kami tidak pernah luntur kerana saya selalu ke pejabatnya berbincang tentang pelbagai perkara. Cumanya, apabila kami bersara, tidaklah anda nampak saya ada dengannya selalu,” katanya.

Cakap-cakap mengenai hubungan dingin mereka timbul ekoran isu Permit Import (AP) kereta yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri se-

waktu Rafidah memegang portfolio itu pada 2005.

Isu itu menjadi ‘panas’ sehingga Kabinet meminta Rafidah memberi penjelasan mengenainya di Dewan Rakyat ketika itu.

Mengenai forum berkenaan, bekas Ketua Wanita UMNO itu berkata, ia merupakan medan terbaik bagi menjelaskan kepada negara Eropah mengenai keadaan sebenar di negara ini.

“Kita mahu membantu kerajaan dalam membetulkan sesetengah persepsi salah negara Barat terhadap Malaysia agar lebih ramai daripada mereka datang melancong dan melabur di negara ini,” katanya.

Utusan 2010
Utusan 1/12/2010